

Anwar nafi hubungan dengan Dr Mahathir terjejas

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan hubungan beliau dengan Tun Dr Mahathir Mohamad terjejas susulan tiada kepastian mengenai tarikh mengambil alih teraju kepimpinan negara.

Presiden PKR itu berkata, perselisihan pendapat membabitkan beberapa penyokongnya dengan pengikut Dr Mahathir sejak kebelakangan ini adalah perkara biasa serta tidak perlu diperbesarkan.

“Kadang-kadang budak (pengikut) saya melenting dalam isu jawatan Perdana Menteri dan kadang-kadang pengikut Dr Mahathir pun (melenting), itu biasalah, tetapi kita yang tua tidak perlu terikut-ikut.

“Saya sudah 20 tahun menung-

gu untuk menjadi Perdana Menteri, itu bukan masalah. Sekarang semua sokong Dr Mahathir dan saya pun sokong (Dr Mahathir).

“Kita mengamalkan keterbuka-

Kita mengamalkan keterbukaan, bukan seperti UMNO yang melarang ahlinya melontarkan kritikan berhubung sesuatu perkara.

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

an, bukan seperti UMNO yang melarang ahlinya melontarkan kritikan berhubung sesuatu perkara,” katanya ketika menjadi tamu Program Dialog Bersama Mahasiswa Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini, semalam.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Anwar berkata sama ada beliau akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Mei 2020 atau sebaliknya akan dibincangkan kemudian.

“Ia menjadi masalah apabila kita tidak ambil secara keseluruhan kenyataan Dr Mahathir berhubung perkara ini.

Dr Mahathir jelas mengatakan beliau berpegang kepada janji yang dibuat untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri,” katanya.



Anwar pada Program Dialog Bersama Mahasiswa Universiti Teknologi MARA di Shah Alam, semalam.

(Foto sairien Nafis/BH)